



### Kolej 15 sambut Earth Hour dengan acara Night Walk



**SERDANG, 31 Mac** – Kolej 15 Universiti Putra Malaysia (UPM) menyokong sambutan Earth Hour 2012 dengan mengadakan acara Night Walk @ 15 di Bukit Ekspo di sini.

Seramai 600 peserta berjalan sepanjang empat kilometer dengan membawa lilin sambil menikmati keindahan panorama di waktu malam.

Sambutan tersebut mencerminkan komitmen pihak Kolej 15 dalam usaha membina kesedaran ke arah penjimatan penggunaan tenaga untuk pemeliharaan alam sekitar.

Dengan tema Save Electricity, Do Charity and Stay Healthy, Kolej 15 menyokong perjuangan memelihara bumi dengan mewujudkan kesedaran peserta terhadap kesan pembaziran elektrik dan pemanasan global.

Program anjuran Sekreteriat Alumni dan Kolegiat Kolej 15 dan Sekreteriat Rakan Muda UPM itu turut dihadiri oleh Pengetua Kolej 15, Dr. Fatimah Sidi dan wakil dari TNB iaitu Kamaliah.

**Berita ini disediakan oleh Siti Normalis Zakaria, 03-8946 6190 (MarComm) dan foto oleh Ahmad Nashrullah Ahmad Tarmize (Kolegiat Kolej 15)**